

UMK RESEARCH infolink



Pejabat TNCPi

memenangi

Anugerah Cemerlang Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMK

(EOSH AWARD) Tahun 2021



UMK

tersenarai pada kedudukan

601-800

dalam

Times Higher Education (THE) Impact Ranking

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman

Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed

Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail

Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim

Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff

Ts. Dr. Maryana Binti Mohamad Nor

Ts. Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri

Dr. Muhammad Akmal Bin Remli

Dr. Ch'ng Huck Ywih

Encik Mohd Aswawi Bin Isa

EDITOR

YM. Raja Azlan Bin Raja Ismail

AHLI

Encik Muhamad Hafizuddin Bin Mat Nawi

Cik Nur Athirah Binti Mat Yusoff

Encik Mohd Faisal Bin Mohd Azalan

Puan Eiap Coon Choon

Encik Syed Ahmad Afiq Hasif Bin Syed Ab Rahman

Puan Noorafnie Edura Binti Ab Manaf

Encik Ahmad Shazry Bin Supi

Encik Mohamad Sa'arani Bin Mhd Zin

Encik Norzie Haslizam Bin Mat Hassan

Puan Wan Nurshahidatul Fatihah Binti Wan Lamli

Puan Suzana Binti Shari

Puan Nur Rosamimie Farisa Binti Mohd Roslan

PEREKA

Encik Ahmad Tahir Bukhari Bin Bustary

Cik Aniya Dhaifina Binti Abdul Hadi

KANDUNGAN

- 04** SECORET KATA TNCPI
- 05** PEJABAT TNCPI
- 08** KOMERSIALAN DAN HARTA INTELEK
- 10** PENERBITAN DAN PENARAFAN
- 12** JARINGAN INDUSTRI
- 16** LENSA AKTIVITI
- 18** AGRO TECHNO PARK
- 20** CREATIVE TECHNO PARK
- 21** PUSAT KECEMERLANGAN INSPEK
- 25** PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA
- 26** PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana memberi kekuatan kepada sidang penyunting UMK Research Infolink untuk menyiapkan buletin edisi ke-21 atau edisi kedua bagi tahun 2022.

Sekalung tahniah saya ucapkan atas kejayaan Universiti Malaysia Kelantan tersenarai pada kedudukan 601- 800 daripada 1406 Institusi pengajian tinggi dunia dalam Penarafan Times Higher Education (THE) Impact Ranking. Keputusan ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2020 dimana UMK berada pada kedudukan 801-1000 dari 1115 institusi.

Selain itu, amat membanggakan juga apabila Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) buat julung kalinya memenangi Anugerah Cemerlang Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMK (EOSH AWARD) Tahun 2021. EOSH Award dianugerahkan kepada Pejabat TNCPI yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang empat (4) sesi penilaian sepanjang tahun berasaskan kepada keperluan perundangan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967 serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan kriteria ISO 45001:2018 OHSMS.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan semua perancangan yang meletakkan penyelidikan di UMK pada tahap memberangsangkan sehingga kini dalam penerbitan buletin kali ini. Saya mendoakan agar kejayaan ini tidak terhenti di sini, dan kita semua akan berterusan memastikan agenda penyelidikan dan inovasi menjadi keutamaan universiti.

Sekian, terima kasih.

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan



MAJLIS TAMAT LATIHAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL PELANTIKAN PEGAWAI KOR SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN SKUAD 2017

25 April 2022 | Ketua Polis Kelantan, Yang Dihormati Komisioner Polis, Dato' Shafien bin Mamat telah menyempurnakan majlis perbarisan tamat latihan dan penyampaian sijil pelantikan kepada 21 pegawai Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Skuad 2017 bagi tahun 2022 di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, hari ini. YDH Dato' Shafien turut menyampaikan sijil dan hadiah kepada Pelatih Terbaik Keseluruhan Kor SUKSIS UMK Skuad 2017 tahun 2022 yang di anugerahkan kepada Mohamad Adam Mohd Affandi dan Pelatih Terbaik Latihan Luar iaitu Busyra binti Burhan. Turuthadir, Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, Komandan Kor SUKSIS, Assisten Komisioner Polis, Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, merangkap Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK, Ketua Jabatan, Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Kontinjen Kelantan, Asisten Komisioner Polis, Mit A/L Emong dan Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Polis Mohd Rosdi Daud. Seramai 21 pelatih Kor SUKSIS yang terdiri daripada siswa dan siswi ditauliahkan pada majlis hari ini selepas menjalani latihan asas sukarelawan simpanan polis Kor SUKSIS selama tiga tahun dengan mengikuti silibus yang telah ditetapkan bagi pengambilan sesi pengajian tahun 2017.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KEDUDUKAN 601-800 THE IMPACT RANKING

28 April 2022 | Penarafan Times Higher Education (THE) Impact Ranking telah mengumumkan keputusan bagi tahun 2021 dimana Universiti Malaysia Kelantan telah tersenarai pada kedudukan 601- 800 daripada 1406 Institusi pengajian tinggi dunia. Keputusan ini menunjukkan peningkatan berbanding dimana pada tahun 2020 UMK berada pada kedudukan 801-1000 dari 1115 institusi. THE Impact Rangking diperkenalkan oleh THE telah mengambil kira petunjuk -petunjuk dari 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi memastikan pihak universiti memainkan peranan yang jitu dalam melestarikan masyarakat setempat. Prestasi UMK ini dinilai berdasarkan prestasi terbaik empat SDG dimana UMK menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam SDG 1 (No Poverty) apabila tersenarai dalam kedudukan 96 daripada 769 institusi. Penilaian adalah berdasarkan empat kriteria utama iaitu ngan kewujudan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) yang menumpukan kepada penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan kemiskinan dan kesejahteraan hidup manusia. Manakala bagi SDG 2 (Zero hunger) pula pada kedudukan 201-300 daripada 553 institusi. Penilaian SDG 2 adalah berdasarkan penyelidikan, pengurusan sisa makanan kampus, peratusan pelajar bergraduat dalam bidang pertanian serta National Hunger. Di UMK, SDG 2 diselaraskan oleh Institut Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari (IFFSA) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) yang memfokuskan kepada penyelidikan dan inovasi di bidang pertanian, teknologi pertanian dan keselamatan makanan. SDG 15 (Life on land) pada kedudukan 301-400, dinilai berdasarkan kriteria penyelidikan, pengajaran dan tindakan dalam ekosistem sokongan darat serta pelupusan sisa sensitif tanah. SDG 15 diselaraskan oleh Fakulti Sains Bumi (FSB) yang mengembangkan pengetahuan dan kefahaman mengenai sumber asli bumi perubahan alam sekitar dan sains kelestarian melalui penyelidikan yang berintegrasi dan bersaintifik. Peningkatan pencapaian oleh UMK berbanding tahun 2020 merupakan pengiktirafan global dan petanda positif kepada pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh UMK selari dengan matlamat universiti untuk menjadi Universiti Keusahawanan terkemuka diperingkat global pada tahun 2030. Disamping itu UMK juga menyahut cabaran dengan serius dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai universiti yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat (U4S).





ANUGERAH CEMERLANG PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UMK (EOSH AWARD) TAHUN 2021

29 Mei 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) buat julung kalinya memenangi Anugerah Cemerlang Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMK (EOSH AWARD) Tahun 2021. Anugerah ini disampaikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 bertempat di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. EOSH Award dianugerahkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang empat (4) sesi penilaian sepanjang tahun berasaskan kepada keperluan

perundangan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967 serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan kriteria ISO 45001:2018 OHSMS. Pemenang anugerah ini membawa pulang Piala Pusingan, Piala Iringan dan Wang Saguhati sebanyak RM1,000.00.



UMK MENERIMA ANUGERAH KHAS PENGHARGAAN SEBAGAI UNIVERSITI KEUSAHAWANAN

31 Mei 2022 | UMK menerima Anugerah Khas penghargaan sebagai Universiti Keusahawanan dalam Majlis Kelantan Business Entrepreneurship Awards (KBEA) 2022. Penghargaan ini diberikan kepada pihak universiti atas sumbangan membangunkan keusahawanan pelajar, PKS dan menjana ekonomi masyarakat setempat yang berada di negeri Kelantan. Hadir mewakili Naib Canselor UMK, Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Pengarah Kanan, Institut Keusahawanan UMK (UMKEI).

Sejumlah 39 anugerah di sampaikan kepada penerima. Anugerah disampaikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj. Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.



KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PHARMANIAGA BERHAD

8 Jun 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pharmaniaga Berhad di Shah Alam. Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah bagi membincangkan bidang kerjasama yang boleh dijalankan antara UMK

dengan Pharmaniaga Berhad khususnya dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan produk. Delegasi UMK telah diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan turut serta ialah Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Pengarah Bahagian Komersialan dan Harta Intelek (ICD), Pengarah Pusat Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) dan Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail (Penyelidik Bersama IFSSA). Manakala Pharmaniaga Berhad diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Korporat.



KERJASAMA ANTARA PUSAT TEKNOKEUSAHAWANAN EMAS, NADIR BUMI & BAHAN (GOLD, RARE EARTH & MINERAL) TECHNOPRENEUSHIP CENTRE (GREAT) BERSAMA PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN (PMBK)

9 Jun 2022 | Satu sesi Perbincangan Program Keusahawanan antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersama Kementerian Pembangunan

Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) telah diadakan di Parcel E, Putrajaya. Perbincangan tersebut telah melibatkan agensi di bawah KUSKOP seperti Insken, Cedar, Pernas dan Protege dalam membantu usahawan pelajar UMK. Hasil perbincangan tersebut sebagai langkah “quick win” UMK melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) akan mula menghantar pelajar yang berpotensi bagi mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh KUSKOP dalam memberi bimbingan untuk melahirkan usahawan yang berjaya. Ribuan terima kasih kepada pasukan KUSKOP yang diwakili Puan Zanawiyah Hassan, Timbalan SUB Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan dan agensi yang terlibat di atas komitmen yang diberikan.



KERJASAMA PENGANJURAN PERSIDANGAN DAN EKSPLO CIPTAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA 2022 (PECIPTA'22)

13 Jun 2022 | Perbincangan berhubung kerjasama penganjuran Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2022 (PECIPTA'22) antara Pejabat Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi) UMK bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi-agensi di bawah MOSTI iaitu MTDC, CRADLE, YIM dan MRANTI telah diadakan di Pejabat MOSTI, Putrajaya. MOSTI merupakan salah satu rakan strategik bagi menjayakan penganjuran PECIPTA'22 yang akan diadakan pada 1-3 November 2022 di UMK Bachok. Perbincangan telah dipengerusikan oleh Puan Fairul Azida Shahabudin, Timbalan Setiausaha Bahagian MOSTI. Wakil agensi di bawah MOSTI yang turut hadir ialah Encik Rozaidi Abd Rahman (YIM), Encik Mohd Noor Hisham Abd Bari (CRADLE), Puan Khairul Mazwan Ibrahim Pati (MRANTI) dan Puan Mariatini Othman (MTDC). Manakala UMK diwakili oleh Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah (TNCPI), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman (Pengarah Kanan RMIC) dan Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed (Pengarah ICD).



BENKEL POLISI KEUSAHAWANAN STAF DAN PELAJAR

27 Jun 2022 | Satu bengkel Polisi Keusahawanan staf dan pelajar telah diadakan di Hotel Perdana yang melibatkan 25 peserta dari kalangan dekan-dekan fakulti, wakil sumber manusia, penasihat undang-undang, wakil majlis perwakilan pelajar serta para usahawan dari kalangan staf dan pelajar. Hasil bengkel ini, ianya akan memberi

impak kepada Universiti dalam menggalakkan perniagaan dikalangan staf dan pelajar selaras dengan bidang tujuan UMK “Keusahawanan Adalah Teras Kami”

CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION (CRI) 2022



CRI 2022
CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION
VIRTUAL EVENT | APRIL - JUNE

IMPORTANT DATES:

- 15 April - 21 May 2022
Registration & Project Submission
- 22 May - 5 June 2022
Judging Session
- To be Announced
Award Announcement

FEES:

- University / Polytechnic / College / Industry: RM 300
- Universiti Malaysia Kelantan (Staff & Student): RM 100
- Primary & Secondary School: RM 50
- International Participant: USD 50

CLUSTERS:

- ELECTRONIC, SOCIAL TECHNOLOGY & IOT
- MACHINERY & EQUIPMENT
- FOOD & AGRICULTURE TECHNOLOGY
- SOCIAL SCIENCE
- CHEMICAL, ADVANCED MATERIAL & PLASTIC
- TEACHING INNOVATION
- BIOTECHNOLOGY, MEDICAL DEVICE, PHARMACEUTICAL & HEALTH

For more information, please contact our careline through cri@umk.edu.my or 09-7737788

12 APRIL – 26 JUN 2022 | Bahagian Komersial dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMK dengan kerjasama Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) telah menganjurkan Karnival Penyelidikan dan Inovasi 2022 atau lebih dikenali sebagai CRI2022. Hasil komitmen dan kerja keras ahli jawatankuasa, program penyelidikan berimpak tinggi ini telah berlangsung dengan jayanya bermula April 2022 dan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Sebanyak lebih daripada 150 projek penyelidikan produk inovasi dipertandingkan dalam program CRI2022. Corak penyertaan adalah sangat variasi dengan disertai oleh pelbagai kumpulan pelajar, pendidik, ahli akademik dari

institusi pengajian termasuklah universiti, politeknik, kolej, serta sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Cetusan idea inovasi pelbagai produk aplikasi melalui penyelidikan merentasi bidang sains dan sains sosial dilihat mampu memberi impak dan manfaat bukan hanya kepada industri malah kepada masyarakat. Khas pada tahun ini, CRI2022 menawarkan 7 kluster inovasi untuk dipertandingkan iaitu (1) electronic, digital technology & IoT's; (2) machinery & equipment; (3) food; agriculture technology; (4) social science; (5) chemical, advanced material & plastic; (6) teaching innovation dan (7) biotechnology, medical device, pharmaceutical health. Melalui CRI2022, UMK berhasrat dan berharap agar kesemua peserta dapat mengembangkan serta mempromosikan idea-idea dan hasil penyelidikan mereka kepada pihak industri, ahli akademik yang lain serta masyarakat setempat. Ini dapat membantu bukan sahaja kepada peserta CRI2022 sendiri, malah memberi serta membuka minda pelbagai sudut masyarakat mengenai projek inovasi daripada pelbagai bidang dan disiplin yang dipertandingkan.

TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM PENDAFTARAN HARTA INTELEK



RMIC-IP Talk:
TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM PENDAFTARAN HARTA INTELEK

24 Mei 2022 (Selasa)
11.00 Pagi

EN. MUHAMMAD AFFIF BIN MOHD AMRAN
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat,
Seksyen Penyelidikan dan Inovasi
Pusat Komputeran dan Informatik

CIK NUR AZLIN LIANA BINTI MOHD ADLAN
Moderator

Anjuran:
Bahagian Komersial dan Harta Intelek
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

24 MEI 2022 | Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan RMIC IP Talk: Taklimat Penggunaan Sistem Pendaftaran Harta Intelek sebagai salah satu aktiviti bulanan ICD. Taklimat secara dalam talian ini telah diadakan pada 24 Mei 2022 (Selasa) melalui platform Google Meet. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Muhammad Afiff bin Mohd Amran, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Seksyen Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Komputeran dan Informatik bagi berkongsi penerangan dan tatacara permohonan hak cipta secara dalam talian. Sistem ini merupakan salah satu langkah proaktif dalam memperkasakan permohonan pendaftaran harta intelek secara dalam talian bagi penyelidik Universiti Malaysia Kelantan. Tiga (3) sistem tambahan akan dibangunkan bagi pendaftaran cap dagangan, rekabentuk industri dan paten.

33RD INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION MALAYSIA (ITEX) 2022



26 – 27 MEI 2022 | Seramai dua (2) orang penyelidik Universiti Malaysia Kelantan telah menyertai International Invention, Innovation & Technology Exhibition Malaysia (ITEX) 2022 yang telah diadakan pada 26 - 27 Mei 2022 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

UMK telah mencatat kutipan dua (2) pingat emas bagi projek AISHAR: AI Shariah Robovisor for Sustainable Islamic Finance Inclusion oleh Prof. Dr. Raja Suzana binti Raja Kasim dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan Melon Rind Lotion oleh Dr. Siti Nuurul Huda binti Mohammad Azmin dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT).

KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KE PHARMANIAGA BERHAD



9 JUN 2022 | Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) bersama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pharmaniaga Berhad di Shah Alam. Tujuan kunjungan hormat tersebut adalah bagi membincangkan bidang kerjasama yang boleh dijalankan antara UMK dengan Pharmaniaga Berhad khususnya dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan produk. Delegasi UMK telah diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan turut serta ialah Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), Pengarah Pusat Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) dan Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail (Penyelidik Bersama IFSSA). Manakala Pharmaniaga Berhad diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Korporat.

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK MOSTI DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAHNYA UNTUK PROGRAM PERSIDANGAN DAN EKSPLO CIPATAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA 2022 (PECIPTA 2022)



13 JUN 2022 | Satu perbincangan telah diadakan antara Universiti Malaysia Kelantan bersama pihak MOSTI dan Agensi-agensi di bawahnya bagi membincang perincian penganjuran program Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2022 (PEIPTA) di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 9 Jun 2022.

Delegasi UMK yang diwakili oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed, Pengarah Bahagian Komersial

dan Harta Intelek (ICD) dan seorang staf telah membentangkan progres semasa penganjuran PEIPTA 2022. Ia bertujuan untuk mendapatkan input tambahan bagi penambahbaikan oleh Bahagian Kolaborasi Industri & Masyarakat (BKIM), Jabatan Pengajian Tinggi selaku rakan strategik PEIPTA 2022.

11 APRIL 2022

PERBINCANGAN DAN PEMBENTANGAN ANALISIS DATA LANGGANAN ELSEVIER PROFESSIONAL CERTIFICATION PROGRAMME (KPT - PACE) FASA 1



18 APRIL 2022 - 30 APRIL 2022

PROGRAM GRAND CHALLENGE UMK RISING STAR



21 APRIL 2022

WEBINAR BRIEFING ON THE 2022 YOUNG SCIENTIST NETWORK- ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (YSN-ASM) NEW MEMBERSHIP



26 APRIL 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK PENARAFAN UNIVERSITI (JIPEN)



24 MEI 2022 & 28 JUN 2022

THE RISING STAR TALK 2022

UMKRISING STAR 2021

The Rising Star Talk 2022

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

THE AMAZING GINGER: FOOD OR MEDICINE?

Guest Speaker
TS. DR. SUGANTHI A/P APPALASAMY
FACULTY OF EARTH SCIENCE (FESB)

Moderator
PROF. MADYA DR. ASRUL HERY
DIRECTOR OF UMK PUBLICATION AND RATING DIVISION

24.5.2022 | TUESDAY
10.00AM - 11.00AM

ORGANIZED BY: PUBLICATION AND RATING DIVISION, RESEARCH AND INNOVATION MANAGEMENT CENTER

Zoom Meeting ID: 901 4511 8233
PASSCODE: 28JZEP

shorturl.at/cqW99

UMKRISING STAR 2021

The Rising Star Talk 4/2022

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

INNOVATION AND TECHNOLOGIES TRANSFER THROUGH QUADRUPLE HELIX

Guest Speaker
TS. DR. MAZLAN BIN MOHAMED
FACULTY OF BIENGINEERING AND TECHNOLOGY (FBKT)

Guest Speaker
PROF. MADYA DR. MOHAMAD NAJMI BIN MASRI
FACULTY OF BIENGINEERING AND TECHNOLOGY (FBKT)

Moderator
TS. DR. SARIZAM BIN MAMAT
DEPUTY DEAN
FACULTY OF BIENGINEERING AND TECHNOLOGY (FBKT)

28.6.2022 | TUESDAY
4.00PM - 5.00PM

ORGANIZED BY: PUBLICATION AND RATING DIVISION, RESEARCH AND INNOVATION MANAGEMENT CENTER

Zoom Meeting ID: 908 2381 2399
PASSCODE: 982812

shorturl.at/0T46

KEJAYAAN MEMPEROLEH DANA PROGRAM PENJANA KPT PROFESSIONAL CERTIFICATION PROGRAMME (PENJANA KPT-PACE) FASA 2



7 April 2022 | Seramai lapan (8) orang Ketua Projek telah berjaya memperoleh dana PENJANA-KPT-PACE bagi Fasa 2 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berjumlah RM1,467,500.00. Sebanyak 13 program pensijilan profesional yang diiktiraf oleh badan profesional/ industri telah ditawarkan kepada pelajar UMK. Objektif utama KPT-PACE adalah untuk memberi nilai tambah kepada kelayakan sedia ada pelajar, memperkukuhkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dan diharapkan kejayaan ini dapat memberikan semangat kepada semua warga UMK untuk lebih berjaya sekaligus dapat melonjakkan nama UMK ke peringkat yang lebih tinggi.



PROGRAM PENJANA KPT PROFESSIONAL CERTIFICATION PROGRAMME (KPT - PACE) FASA 1 PROGRAM CERT III IN BUSINESS DIGITAL TRANSFORMATION DAN CERT III IN CROSS BORDER E-COMMERCE - TVET AUSTRALASIA SDN. BHD.

15 – 19 April 2022 | TVET Australasia Sdn. Bhd telah mengadakan program PENJANA KPT-PACE bagi sesi ke-3 selama 5 hari di Pulau Pinang, Kedah dan Kuala Lumpur. Program pensijilan profesional yang ditawarkan iaitu, Cert III in Business Digital Transformation dan Cert III in Cross Border e-Commerce. Seramai 38 orang peserta telah menyertai program ini.




13 – 17 Jun 2022 | Seramai 31 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai program ini di Kuala Lumpur dan Selangor. Program pensijilan profesional yang ditawarkan adalah Cert III in Business Digital Transformation dan Cert III in Cross Border e-Commerce.



4 – 9 Jun 2022 | Seramai 16 orang peserta telah menyertai program ini di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kuala Lumpur. Program ini melibatkan pembelajaran secara fizikal dan juga lawatan korporat ke syarikat dan industri seperti RedQ, AirAsia HQ dan JD.com.


PROGRAM SIJIL KOMPETENSI ARCGIS - GEO TECHNOLOGY RESOURCES SDN. BHD.

1 – 12 Jun 2022 | Seramai 10 orang pelajar UMK telah menyertai Program Sijil Kompetensi ArcGIS selama 12 hari secara atas talian. Peserta mendapat pendedahan dan maklumat penggunaan ArcGIS dalam pelbagai sektor dan bidang.



TAKLIMAT PROGRAM IPT FOR SOCIETY@KELUARGA MALAYSIA (UNITY) OLEH PENGARAH BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN MASYARAKAT (BKIM)

25 April 2022 | Satu sesi taklimat Program IPT FOR SOCIETY@KELUARGA MALAYSIA (UNITY) telah disampaikan oleh Dato' Mohd Sharil bin Abdullah, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) di UMK Bachok. Tujuan taklimat ini adalah untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan program UniTY. Program ini memberi fokus kepada bidang kepakaran atau tujahan IPT untuk dimanfaatkan oleh masyarakat setempat berdasarkan kepada pendekatan inovasi sosial selaras dengan tema Amanat YB Menteri Pengajian tahun 2022, iaitu "Memperhebat Strategi, Melonjak Kecemerlangan". Melalui program UNiTY ini, setiap IPT boleh memilih komuniti angkat di lokaliti tertentu dan membangunkan mereka mengikut bidang kepakaran masing-masing.



UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S)

BENGKEL SROI U4S ZON TIMUR DI SETIU, TERENGGANU



14 April 2022 | UMK dengan kerjasama daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan satu Bengkel Social Return on Investment (SROI) di Dewan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Setiu, Terengganu. Seramai 60 orang komuniti nelayan Setiu telah menyertai bengkel ini. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menilai pelaksanaan program U4S yang dilaksanakan melalui pengiraan nilai SROI.

PROGRAM LAWATAN PROJEK USAHAWAN SOSIAL (IKAN BEKOK & IKAN LUNAK) BERSAMA BELIA DAN KUNITA SETIU, TERENGGANU



24 Mei 2022 | Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) dengan kerjasama CUIK dan InsPeK telah mengadakan Program Lawatan Projek Usahawan Sosial (Ikan Bekok & Ikan Lunak) di sekitar Kelantan. Lawatan ini melibatkan sesi pemerikasaan dan lawatan ke Perusahaan Sosial KUNITA Kelantan melalui pemprosesan Ikan Lunak di Tok Bali dan juga kunjungan ke Projek Usahawan Sosial Ikan Bekok di Kampung Geting, Tumpat. Seramai 31 orang belia dan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Setiu, Terengganu hadir ke sesi lawatan ini.

SESI PERBINCANGAN KERJASAMA BERSAMA AKADEMI MEMANDU NASROM (AMN)



26 April 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) melalui Pusat Jaringan Industri Universiti UMK telah mengadakan sesi perbincangan kolaborasi bersama Akademi Memandu Nasrom (AMN) Sdn. Bhd. untuk meneroka peluang dan merangsang aktiviti keusahawanan sosial yang dapat memberikan manfaat bersama di antara UMK dan Akademi Memandu Nasrom Sdn. Bhd. Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dihadiri oleh Puan Nursafriza Binti Ab Alim @ Ab Halim, Pengurus Akademi Memandu Nasrom Sdn. Bhd. serta wakil syarikat.

KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KE LUNCAI EMAS SDN. BHD.



2 Jun 2022 | Pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dengan kerjasama CUIC telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke syarikat Luncai Emas Sdn. Bhd. di Sungai Buloh, Selangor. Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk membincangkan bidang kerjasama yang boleh dijalankan antara UMK dan Luncai Emas, khususnya sebagai Ahli Action Group for Entrepreneurship (AGE Council) FTKW. Kunjungan ini disambut baik oleh Dato' Mohamad Nasir Mohamed atau Dato' M. Nasir, iaitu selaku Pengarah Urusan di Luncai Emas Sdn. Bhd.

MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA UMK DAN MISG GLOBAL HOLDING, PERSATUAN ALAMI KELANTAN, KOPERASI SALAMA AGRO BERHAD DAN EXA SUPPLY & SERVICES SDN. BHD.

4 Jun 2022 | Satu majlis menandatangani MoU antara UMK dan MISG Global Holding, Persatuan Alami Kelantan, Koperasi Salama Agro Berhad serta Exa Supply & Services Sdn. Bhd telah diadakan di UMK Kampus Jeli bersempena Karnival Industri Asas Tani (AGX'22). Jalanan kerjasama yang telah dipersetujui adalah dalam bidang pertanian.



TAKLIMAT CEO@FACULTY PROGRAMME 1.0: LEARN FROM THE PROS OLEH PENGARAH BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN MASYARAKAT (BKIM, JPT)

8 Jun 2022 | Sesi taklimat CEO@Faculty Programme 1.0: Learn From The Pros telah diadakan di Grand Petra, Residensi UTMKL, Kuala Lumpur dengan anjuran pihak Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Bagi UMK, tiga tokoh perkhidmatan awam dan industri telah dilantik iaitu Dato' Suriani binti Dato' Ahmad (Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)), Encik Shairan Huzani bin Hussain (Pengarah Urusan, Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd.) dan Encik Vachasphati Pillutla (Vach) (CEO Al-Ikhsan, Al-Ikhsan Sport Sdn. Bhd.). Semoga dengan pelantikan ini, kerjasama yang lebih erat dapat diwujudkan dan matlamat CEO@Faculty Programme 1.0: Learn From Pro's tercapai. Sesi taklimat ini turut dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan (UMK)) wakil-wakil dari industri, perkhidmatan awam dan universiti.



ANUGERAH KHAS PENGHARGAAN SEBAGAI UNIVERSITI KEUSAHAWANAN



PROGRAM LAWATAN PROJEK USAHA WAN SOSIAL




TAKLIMAT CEO@FACULTY PROGRAMME 1.0

PROGRAM JOM MASUK IPT 2022 (FASA 2)



INTERNATIONAL WORKSHOP



PENUAIAN HASIL TANAMAN



KELAS AMALI DI NURSERI & LADANG ATP



PENGENDALIAN KELAS AMALI DI LAPANGAN BERSAMA PENSYARAH DAN PELAJAR DI LADANG ATP

05 APRIL 2022 | Pensyarah dan pelajar UMK telah menjalankan aktiviti amali di Ladang Agro Techno Park sepanjang semester Februari 2021/2022. Pihak ATP telah berjaya membuat penyediaan kawasan dan peralatan serta bahan keperluan amali sepanjang kelas amali dijalankan. Sebanyak 10 subjek kelas amali telah diadakan di ATP yang terdiri daripada Fakulti Industri Asas Tani, Fakulti Sains Bumi dan Fakulti Perubatan Veterinar.



KELAS AMALI LADANG PELAJAR FAKULTI SENIBINA DAN EKISTIK SEMESTER 2021/2022 BAGI SUBJEK NURSERI DAN HORTIKULTUR



14 APRIL 2022 | Nurseri ATP telah dijadikan sebagai makmal lapangan bagi pelajar Fakulti Senibina dan Ekistik semester 2021/2022 untuk Subjek Nurseri dan Hortikultur. Kelas amali tersebut telah melibatkan seramai 30 orang pelajar dan (2) orang tenaga pengajar. Objektif kelas amali tersebut adalah memberi tunjuk ajar secara praktikal kepada pelajar terhadap proses pembiakbakaan tanaman, pemangkasan dan pembajaan.

JUALAN BUAH ROCK MELON KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

02 MEI 2022 | Pihak ATP telah berjaya menghasilkan tanaman melon jenis variti Golden Melon di nurseri ATP, UMK Bachok. Tanaman ini mula ditanam pada Februari 2022 dan telah dituai pada awal Mei 2022. Sebanyak 300 pokok telah ditanam secara fertigasi dalam rumah lindungan hujan. Pihak ATP telah menjual hasil tanaman ini kepada staf UMK dengan penajaan pendapatan sebanyak RM 500.00.



KELAHIRAN ANAK KAMBING BAKA BOER DI ATP



ATP JELI, 08 MEI 2022 – ATP telah menerima kelahiran satu ekor (1) anak kambing baka boer di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Proses kelahiran tersebut berjalan lancar dan keadaan ibu serta anak kambing berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina bagi anak kambing yang baru dilahirkan tersebut adalah jantan.

PEMANTAUAN PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PELAJAR YANG MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI ATP

1 MEI 2022 | Aktiviti pemantauan terhadap penyelidikan pelajar dilaksanakan secara berkala bagi memastikan pelajar tidak menghadapi masalah semasa pelaksanaan projek penyelidikan dijalankan.



BEKALAN POKOK-POKOK HIASAN DARI NURSERI ATP BAGI PROJEK TAMAN TERAPI UNTUK WARGA EMAS DENGAN KLINIK KESIHATAN KUALA BESUT, TERENGGANU



26 MEI 2022 | Nurseri ATP telah dipilih sebagai pembekal utama pokok-pokok hiasan bagi Projek Taman Terapi Untuk Warga Emas Dengan Klinik Kesihatan Kuala Besut, Terengganu. Pihak ATP telah membekalkan sebanyak 24 jenis spesies pokok kepada projek tersebut dengan hasil penjana pendapatan sebanyak RM9,791.00.

AKTIVITI PENGURUSAN TERHADAP TANAMAN DURIAN GERMLASM UMK

26 MEI 2022 | Aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan terhadap pertumbuhan tanaman durian di plot germplasm durian UMK dilaksanakan setiap hari bagi memastikan tumbesaran pokok durian dalam keadaan baik dan cepat mengeluarkan hasil.



JUALAN TERNAKAN LEMBU HIDUP DAN PROSES PEMINDAHAN TERNAKAN KE UMK BACHOK



30 MEI 2022 | ATP telah menjual ternakan lembu hidup sebanyak dua (2) ekor dan proses pemindahan lembu tersebut ke UMK Bachok telah dilaksanakan lebih awal bagi memastikan proses pemindahan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Ternakan tersebut telah disembelih dan digunakan semasa Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat UMK.

Hasil dari jualan tersebut, pihak ATP telah berjaya menjana sebanyak RM 5,400.00.

JUALAN ANAK POKOK BUAH-BUAHAN DAN HASIL TERNAKAN

03 JUN 2022 | ATP telah mengadakan jualan anak pokok buah-buahan dan produk ternakan sempena Program Agriculture Expo Fakulti Industri Asas 2022 di UMK Kampus Jeli. Gerai jualan dibuka sepanjang ekspo pada 3 – 5 Jun 2022. Hasil dari program tersebut, pihak ATP telah berjaya mendapat menjana sebanyak RM 497.00.



PENGANJURAN BENGKEL PEMANDUAN PROFESIONAL 4X4 PEMANDU LANTIKAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT) 4-6 JUN 2022



BENGGKEL MODUL 2 (ASAS PERANCANGAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

09 April 2022 | InsPeK telah mengadakan bengkel modul 2 iaitu Asas Perancangan Perniagaan dan Keusahawanan bagi projek Pemerksaan Keusahawanan Kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh Encik Hasannuddiin bin Hassan (Pensyarah Kanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah untuk membantu peserta OKU dalam merancang perniagaan dan keusahawanan yang telah dilaksanakan.



TEMUBUAL DALAM SEGMENT RANCANGAN BIZ MALAYSIA

11 April 2022 | Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) telah dijemput sebagai panel dalam segmen Rancangan Biz Malaysia yang bertajuk “Memperkasa Agenda Perlindungan Sosial”.



BENGGKEL MODUL 3 (ASAS KREATIVITI DAN INOVASI DALAM KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

16 April 2022 | InsPeK telah mengadakan bengkel modul 3 iaitu Asas Kreativiti dan Inovasi dalam Keusahawanan bagi projek pemerksaan keusahawanan kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh Puan Fadhilahanim Aryani binti Abdullah (Pensyarah, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah untuk membantu peserta OKU supaya lebih kreatif dan berinovasi dalam penghasilan produk yang diusahakan.



BENGGKEL MODUL 4 (ASAS KREATIVITI DAN INOVASI DALAM KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN

23 April 2022 | InsPeK telah mengadakan bengkel modul 4 iaitu Asas Pemasaran dan Kelestarian Perniagaan dalam keusahawanan bagi projek Pemerksaan Keusahawanan Kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh Dr. Noormariana binti Mohd Din (Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), UMK). Pelaksanaan modul ini adalah untuk membantu peserta OKU dalam pemasaran produk yang dihasilkan oleh mereka dan untuk meneruskan kelestarian dalam bidang perniagaan yang telah diceburi.



BENGGEL PEMANTAPAN IBOX PAVILION DI HOTEL ROYAL CHULAN CHERATING, PAHANG



21-23 April 2022 | InsPeK telah mengadakan bengkel pemantapan “iBox Pavilion” dengan mewujudkan “iBox War Room”. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memantapkan sistem pemantauan projek lokaliti basmi kemiskinan di seluruh Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, (Pengarah InsPeK, UMK), En. Wan Azlee bin Hj. Wan Abdullah (Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) , UMK), Ketua Bahagian InsPeK dan Pegawai Penyelidik Sosial InsPeK.

KUNJUNGAN HORMAT YaPEIM KE InsPeK BAGI PERBINCANGAN PROJEK InsPeK- YaPEIM-MAYBANK DAN LAWATAN KE TAPAK PROJEK Myhaus DI InsPeK DAN KAMPUNG SEKITAR BACHOK



26 - 27 April 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat delegasi daripada YaPEIM yang diketuai oleh Puan Pariyah binti Hassan (Pengarah Kanan YaPEIM) dan disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan dengan lebih lanjut projek InsPeK-YaPEIM-Maybank di Kelantan serta lawatan ke projek rumah komuniti miskin sekitar Kelantan di bawah projek MyHaus.

BENGGEL MODUL 5 (DIGITAL ARTWORK PRODUK KEUSAHAWANAN) BAGI PROJEK PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN KUMPULAN OKU KELANTAN



30 April 2022 | InsPeK telah mengadakan bengkel modul 5 iaitu Digital Artwork Produk Keusahawanan bagi projek Pemerksaan Keusahawanan Kumpulan OKU Kelantan. Modul ini telah disampaikan oleh Encik Zulkifli bin Ab. Rahim (Pengurus/Trainer HRD Corp Zar Biz Solution). Pelaksanaan modul ini adalah untuk membantu peserta OKU dalam penjenamaan produk yang mereka hasilkan dan untuk meneruskan kelestarian dalam bidang perniagaan yang telah diceburi.

KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN EKSTREMIS EKONOMI (E5), BUKIT AMAN, POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) di InsPeK



16 Mei 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat daripada Bahagian Ekstremis Ekonomi (E5), Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu YDH SAC Datin Zalena Ariffin (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Ekstremis Ekonomi (E5), Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM)) dan delegasi ini disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK). Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan kolaborasi antara kedua-dua belah pihak berkaitan kemiskinan dan kesejahteraan komuniti dan pembentangan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh InsPeK.

LAWATAN DELEGASI AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT), UNIT LATIHAN UNIVERSITI AWAM (SLUA) DAN PEJABAT PENDAFTAR UMK SEMPENA PROGRAM SESI LIBAT URUS DI INKUBATOR FOOD-i InsPeK, TOK BALI, PASIR PUTEH

23 Mei 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan delegasi daripada AKEPT, SLUA dan Pejabat Pendaftar UMK di Inkubator InsPeK. Tujuan kunjungan ini adalah untuk meninjau aktiviti dan produk-produk yang dihasilkan oleh komuniti di Inkubator tersebut. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemprosesan ikan lunak, pemprosesan pes dan penghasilan lunak roll.



KUNJUNGAN PENANDA ARAS DARIPADA KUNITA SETIU DI INKUBATOR FOOD-i InsPeK, TOK BALI, PASIR PUTEH

24 Mei 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan delegasi daripada KUNITA Setiu di Inkubator InsPeK. Tujuan kunjungan penanda aras ini adalah bagi meninjau aktiviti dan produk yang telah dihasilkan oleh komuniti KUNITA, Tok Bali di Inkubator tersebut. Aktiviti yang dilaksanakan semasa kunjungan KUNITA Setiu adalah pemprosesan ikan lunak, pemprosesan pes dan penghasilan lunak roll.



TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM BASMI KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) KEPADA 7 UNIVERSITI SATELIT DI UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) PUTRAJAYA

30-31 Mei 2022 | InsPeK telah mengadakan latihan (TOT) kepada sekretariat lokaliti BMTKM universiti awam. Tujuan TOT dilaksanakan adalah untuk memberikan latihan penggunaan instrumen Pemetaan Kemiskinan 360 Darjah yang akan digunapakai bagi mengumpul data di seluruh Malaysia. Selain itu, TOT ini juga akan memberikan pendedahan asas untuk menggunakan pangkalan data dan sistem pemantauan khas yang dibangunkan oleh InsPeK, iaitu iBOX BMTKM. Sistem ini akan digunakan oleh EPU JPM bagi pemantauan projek kemiskinan BMTKM di seluruh Malaysia.



LAWATAN KERJA BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD (BPMB) BERSAMA InsPeK KE PERUSAHAAN SOSIAL KAK YAH BUDU TEMPAYAN DI PANTAI GETING, TUMPAT DAN PERUSAHAAN TEMBIKAR MAMBONG DI KG MAMBONG, KUALA KRAI

7-8 Jun 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat delegasi daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) sempena lawatan kerja ke perusahaan sosial Kak Yah Budu Tempayan di Tumpat dan perusahaan tembikar mambong di Kuala Krai yang dihadiri oleh Puan Noor Ain Mohd Amin (Group Head, Group Shariah Management), Ustaz Zuhairi Zakaria (Head Advisory, Group Shariah Management) dan Tuan Haji Ruslan bin Yohman (Head, Zakat Management (Advisory) Group Shariah Management). Tujuan utama lawatan kerja adalah untuk melawat lokasi dan bertemu peserta projek yang berpotensi untuk pengurusan kemiskinan di Kelantan. Terdapat dua (2) projek yang dicadangkan iaitu projek Teknologi Hijau Ikan Bekok di Tumpat berasaskan perusahaan sosial dan perusahaan Tembikar Mambong di Kuala Krai.



KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) DAN RHB ISLAMIC BANK BERHAD KE PROJEK InsPeK DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI SUNGAI RUAL, JELI



14 Jun 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim (Head, Shariah Management, PNB), Encik Zaki Fadhil Azizan (Associate Manager, Shariah Management Department, PNB), Encik Ahmad Mukarrami (Head, Group Shariah Advisory, RHB Islamic Bank Berhad) dan Encik Hanif Mohamed (Head, Shariah Business Advisory Department, RHB Islamic Bank Berhad). Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk meninjau projek/ program di bawah InsPeK iaitu program perusahaan sosial cendawan dan inoproduk batik di perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Selain itu, perbincangan juga telah dilaksanakan oleh InsPeK UMK-PNB-RHB berkaitan program/ projek yang boleh dilaksanakan bagi menguruskan kemiskinan.

FORUM JENAYAH DAN LITERASI KEWANGAN MASA KINI SEMPENA PROGRAM PENDIDIKAN LITERASI KEWANGAN KOMUNITI SEJAHTERA DI UMK BACHOK



19 Jun 2022 | InsPeK, UMK di bawah inkubator i-Legasi dengan kerjasama Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengadakan “Forum Jenayah dan Literasi Kewangan Masa Kini” dengan menampilkan dua (2) orang panel iaitu Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah (Ketua Jaringan dan Data Raya, InsPeK, UMK) dan Encik Adlis Khairil Sazli bin Mohd Zaini (Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia Kuala Terengganu, BNM) serta Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar (Ketua Bahagian Penyelidikan, InsPeK, UMK) selaku moderator. Forum ini telah dihadiri oleh 100 orang tetamu. Tujuan utama diadakan forum ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti tentang pendidikan literasi kewangan dan bahaya jenayah kewangan yang perlu ditangani oleh masyarakat dan memberi kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan kewangan demi kelangsungan hidup yang lebih bermakna pada masa akan datang.

KUNJUNGAN HORMAT MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY (UniKL MITEC) JOHOR BHARU DI InsPeK



26 Jun 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat delegasi dari Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC) Johor Bahru yang diketuai Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Ishamuddin Mustapha (Dekan dan Ketua Kampus UniKL MITEC). Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk bertukar pandangan bagi kolaborasi memperkasakan modal insan masyarakat dan komuniti miskin melalui TVET khususnya untuk komuniti di Selaran tanah air.

BENGGEL ASAS PEMETAAN KOMUNITI KHAS UNTUK YaPEIM DI UMK BACHOK



27-28 Jun 2022 - InsPeK telah mengadakan satu (1) bengkel asas Pemetaan Komuniti khas untuk YaPEIM. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk menghasilkan draf instrumen pemetaan usahawan asnaf di bawah YaPEIM. Selain itu, bengkel ini juga memberikan pendedahan tentang pembinaan instrumen pemetaan komuniti dan tatacara pelaksanaan pengumpulan data di lapangan.

THREE-DAY INTERNATIONAL WORKSHOP ON WRITING RESEARCH PROPOSAL, GRANT PROPOSAL AND FUNDING AGENCIES

10-12 April 2022 | Telah berlangsung bengkel yang bertajuk 'Tips to Produce a Good Scientific Report' dimana penglibatan oleh Ts. Dr. Suganthi Appalasamy sebagai penceramah secara atas talian menggunakan aplikasi 'Google Meet'.



MAJLIS PENGHARGAAN KEPADA PENOLONG PEGAWAI TADBIR, IFSSA

19 Mei 2022 | Pihak IFSSA telah mengadakan Majlis Penghargaan kepada Cik Wan Nurhayati Binti Wan Yusoff, Penolong Pegawai Tadbir di atas segala jasa dan bakti yang diberikan sepanjang berkhidmat di Pejabat Pentadbiran, IFSSA.

LAWATAN DARIPADA JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN KE KOMPLEKS PERUSAHAAN JELI - NURSERI HALIA DAN HERBA, IFSSA

19 Jun 2022 | Lawatan daripada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan berhubung dengan perkembangan tanaman Halia Hitam di Nurseri Halia dan Herba. Penubuhan nurseri adalah merupakan hasil sumbangan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan kepada IFSSA pada tahun 2021. Telah dihadiri oleh Pegawai Pertanian Kota Bharu, En. Mohammad Nurfirdaus Bin Abdul Rahim dan Puan Norazreen Binti Shamsudin, Pegawai Pertanian Jeli.



LAWATAN DARIPADA TELEKOM MALAYSIA BERHAD KOTA BHARU KE KOMPLEKS PERUSAHAAN JELI, IFSSA

24 Jun 2022 | Lawatan daripada Telekom Malaysia Berhad, Cawangan Kota Bharu adalah bagi mencadangkan pelaksanaan 'Smart Farming Project' kepada IFSSA di dalam pelaksanaan kaedah penanaman di universiti. Namun begitu, lawatan ini adalah merupakan fasa pengenalan dan akan disusuli dengan lawatan seterusnya daripada wakil Telekom Malaysia ke IFSSA dalam masa terdekat.

PENUAIAN HASIL TANAMAN DI RUMAH HIJAU, KOMPLEKS PERUSAHAAN JELI, IFSSA



LAWATAN KE INKUBATOR KEUSAHAWANAN UMK BAGI PROGRAM UNIVERSITY LEADERS ENTREPRENEURIAL EDUCATORS BOOTCAMP (UniLEEB)

25 Mei 2022 | Lawatan ini bersempena Program University Leaders' Entrepreneurial Educators Bootcamp (UniLEEB) yang bertujuan meningkatkan kompetensi dalam bidang keusahawanan bagi tenaga pengajar, pembimbing keusahawanan dan pentadbir di institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia.



LAWATAN KE INKUBATOR KEUSAHAWANAN UMK SEMENA MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN BERSAMA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

26 Mei 2022 | Lawatan ini adalah bersempena Mesyuarat Penyelaras Program Pembangunan Usahawan bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang diketuai oleh Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) bagi melihat ekosistem keusahawanan di UMK.



BENKEL INTRODUCTION TO GIT & GITHUB ANJURAN JABATAN SAINS DATA (JSD) DENGAN KERJASAMA INSTITUT KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)

28 Mei 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG Bengkel Introduction to GIT & GITHUB yang merangkumi pengenalan kepada asas GIT dan GITHUB, dan cara untuk mengaplikasikan dalam projek pembelajaran.



LAWATAN KE INKUBATOR KEUSAHAWANAN UMK BAGI LAWATAN PENANDA ARAS DARI KOLEJ KOMUNITI JASIN KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)

31 Mei 2022 | AIBIG telah menerima satu Lawatan Penanda Aras dari Kolej Komuniti Jasin bagi melihat pengoperasian Inkubator Keusahawanan di UMK.



BENGGKEL PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN PENGENALAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE DAN MACHINE LEARNING



1 – 2 Jun 2022 | Bengkel ini telah diadakan pada 1 hingga 2 Jun 2022 bertempat di IR4.0 Competence Centre, Blok C, UMK Kampus Kota. Bengkel ini dihadiri oleh Pengarah AIBIG, empat orang pelajar latihan industri serta Felo AIBIG yang menyertai secara maya. Bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan modul latihan pengenalan Artificial Intelligence dan Machine Learning kepada masyarakat/industri. Modul ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu teori dan aplikasi. Modul teori mengambil masa selama 5 jam, manakala modul aplikasi selama 3 jam.



PROGRAM JOM MASUK IPT 2022 (FASA 2)



11 – 12 Jun 2022 | Program Jom Masuk IPT 2022 (FASA 2) diadakan di Universiti Malaysia Kelantan bertujuan untuk menjadi pusat sehenti (One – Stop – Centre) bermaklumat, mempromosi dan menyebarkan maklumat terkini mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000
Email: tncpi@umk.edu.my